

02/12/1997

Asia mampu urus dana dengan cekap

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad yakin negara-negara Asia mempunyai kemampuan untuk mengurus dana Asia dengan lebih bijaksana dan bertanggungjawab.

Perdana Menteri berkata, beliau yakin pengurus Dana Asia tergolong daripada mereka yang bijaksana dan cekap.

"Mereka tidak akan meminjamkan wang kepada satu-satu kerajaan hanya kerana kerajaan terbabit adalah rakan mereka.

"Jadi saya rasa kita harus percaya kepada orang lain dan jika pengurus dana Asia berpendapat sesuatu negara itu tidak bertanggungjawab, jangan beri bantuan kepada mereka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Menteri Kewangan Asean dan Mesyuarat Asean Campur Enam di sini, semalam.

Beliau menjawab pertanyaan media asing mengenai keupayaan dana Asia yang bebas daripada Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk menarik keyakinan masyarakat antarabangsa.

Cadangan untuk mewujudkan Dana Asia adalah satu pendekatan untuk membebaskan negara-negara Asia daripada krisis kewangan yang melanda dan ia masih menjadi satu daripada beberapa cadangan yang sedang dibincangkan oleh masyarakat antarabangsa khususnya negara-negara Asia.

Dr Mahathir berkata, negara-negara Asia sangat bertanggungjawab dan secara keseluruhannya semua negara memberi fokus kepada pembangunan negara masing-masing yang mana hasilnya dapat dilihat oleh semua.

Perdana Menteri menekankan negara-negara Asia Tenggara memberi tumpuan sepenuhnya untuk membangunkan negara masing-masing. Justeru, kekhawatiran bahawa mereka tidak bertanggungjawab adalah sesuatu yang tidak berasas.

"Ada orang kata berlakunya rasuah tetapi jika ada rasuah, banyak kerja yang tidak bergerak.

"Tetapi di rantau ini, jalan raya dibina, lapangan terbang dibina pelabuhan dibina, semua perkara ini dilaksanakan," katanya.

(END)